

27/06/2002

Laporan bahasa Inggeris diumumkan dua minggu lagi

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Laporan mengenai kaedah dan tarikh pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris di sekolah akan diumumkan kira-kira dua minggu lagi selepas dibentangkan dalam mesyuarat khas Kabinet.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, yang mengetuai jawatankuasa yang ditubuhkan bagi melihat secara terperinci pelaksanaan cadangan itu akan membentangkan laporannya pada mesyuarat berkenaan.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak menghentikan sebarang andaian berhubung penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek Sains dan Matematik pada semua peringkat persekolahan mulai tahun depan seperti yang diputuskan kerajaan, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, tarikh sebenar mesyuarat belum ditentukan.

"Saya akan beritahu semua selepas mesyuarat itu - bila usaha itu akan dilaksanakan, bagaimana cara dilaksanakan, latihan guru, terjemahan buku teks, dan sama ada peperiksaan untuk kedua-dua subjek itu akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.

"Saya memberi jaminan hasilnya adalah tidak memberatkan guru dan pelajar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Kerajaan baru-baru ini memutuskan subjek Sains dan Matematik diajar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bukti kesungguhannya untuk mengatasi masalah kemerosotan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

Bagaimanapun, keputusan itu bukan saja menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat, malah menimbulkan kesangsian dan keraguan apabila baru-baru ini kerajaan dilaporkan mahu melaksanakannya pada semua peringkat mulai tahun satu di sekolah rendah hingga tingkatan lima di sekolah menengah, mulai tahun depan.

Laporan terdahulu menyebutkan cadangan itu hanya akan dilaksanakan mulai tahun satu.

Banyak pihak berasa curiga akan kemampuan Kementerian Pendidikan melaksanakannya kerana tempoh masa yang dianggap sangat singkat.

Kebimbangan makin bertambah apabila Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, dilaporkan berkata peperiksaan awam untuk kedua-dua subjek itu juga akan dibuat dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan, kecuali peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.

Kebanyakan tokoh pendidikan berpendapat usaha itu sepatutnya dibuat secara berperingkat supaya tidak membebankan guru dan pelajar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini menjelaskan kerajaan menyedari bukan mudah memperkenalkan langkah itu dalam satu tahun untuk semua darjah dan sekolah tetapi akan mencubanya dengan pendekatan yang baru iaitu penggunaan komputer.

"Inilah pendekatan kita. Kita kalau nak tunggu nak buat sesuatu secara proses biasa, mungkin tidak berjaya, mungkin kita ambil masa yang lambat, pada masa yang sama orang lain sudah pergi jauh ke depan, sebab itu kita tidak boleh lengah-lengah, kita mesti buat lebih pantas daripada biasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Guru, Abu Bakar Bachik, berkata latihan sudah dimulakan untuk guru bagi membolehkan mereka mengajar kedua-dua subjek berkenaan menggunakan bahasa Inggeris.

"Setakat ini semuanya berjalan seperti dirancang. Jika diputuskan lebih

ramai guru diperlukan, kita latih lebih ramai lagi....ini baru peringkat pertama," katanya.

(END)